

Kerajaan tidak cadang laksana satu lagi PKP

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan tidak bercadang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh seperti dilakukan pada Mac 2019 dan pada awal tahun ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sebaliknya PKP hanya akan dilaksanakan mengikut lokaliti tertentu yang berlaku peningkatan mendadak kes Covid-19.

Menurut beliau, perkara itu bagi memastikan virus tersebut boleh dikawal selain meminimumkan gangguan perniagaan dan kemampuan ekonomi negara dapat dicapai.

"Saya menggesa pihak industri untuk tegas mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di tempat kerja dengan berkolaborasi bersama kerajaan untuk mematuhi Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan,

Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990). Sila teruskan menyediakan persekitaran fasiliti selamat dan kondusif iaitu tiada kesesakan dan menjaga kebersihan untuk mengurangkan penyebaran virus dalam kalangan pekerja.

"Ini juga mengingatkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan satu lagi tempoh PKP, bagaimanapun PKP bersasar di lokasi mempunyai jangkitan," kata beliau ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Bersama Industri di Dewan Perdana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kuala Lumpur semalam.

Muhyiddin berkata, pelaksanaan Ordinan Darurat bertujuan menangani pandemik Covid-19 dan tiada niat jahat atau untuk digunakan bagi melanggar hak asasi manusia, soal harta persendirian dan hak undang-undang lain.

Menurut Perdana Menteri,

Malaysia mengamalkan prinsip kedaulatan undang-undang dan tidak sesekali melanggar prinsip itu.

Oleh demikian pihaknya tidak melakukan sesuatu sehingga menghina peraturan negara.

Sehubungan itu, beliau menyeru komuniti perniagaan tempatan dan antarabangsa untuk memahami perkara berkenaan.

"Sejak kebelakangan ini, beberapa kebimbangan timbul ekoran pelaksanaan ordinan darurat seperti diumumkan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat kerajaan saya. Dalam konteks ini, saya ingin menjelaskan bahawa pengisytiharan darurat atas satu alasan sahaja iaitu membendung pandemik Covid-19," katanya.

Muhyiddin memberi jaminan kerajaan akan mempertimbangkan langkah sesuai untuk mengimbangi antara melindungi nyawa dan kehidupan rakyat terjejas akibat pandemik Covid-19.